



## PROGRAM PENCERAHAN SELANGOR

### MAKLUMAT PROGRAM KEPADA IBU BAPA DAN PENJAGA

#### 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Program Pencerahan Selangor merupakan satu inisiatif literasi dan pembangunan intelektual anjuran Kerajaan Negeri Selangor melalui Media Selangor Sdn. Bhd. dengan kerjasama TYMBA Education Group Sdn. Bhd.
- 1.2 Program ini melibatkan seramai 800 orang pelajar Tingkatan 4 daripada 40 buah sekolah menengah terpilih di seluruh Negeri Selangor, dan dilaksanakan sebagai aktiviti luar waktu persekolahan yang tidak mengganggu pengajaran dan pembelajaran formal di sekolah.

#### 2.0 OBJEKTIF PROGRAM

- 2.1 Meningkatkan tabiat membaca untuk tujuan rekreasi dan literasi ilmu.
- 2.2 Memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan pelajar.
- 2.3 Mencambahkan tradisi keilmuan dan wacana intelektual melalui perbincangan dipimpin dan penulisan reflektif.
- 2.4 Membentuk komuniti pembaca yang mampan dalam institusi pendidikan Negeri Selangor.

#### 3.0 KOMPONEN PENYERTAAN PELAJAR

- 3.1 Kelab Buku — sesi mingguan membaca dan perbincangan lima (5) buah buku terpilih sepanjang program, dipimpin oleh fasilitator terlatih. Sesi dijalankan selepas waktu persekolahan, iaitu dicadangkan pada jam 3.30 petang hingga 5.00 petang. Buku-buku yang akan dibaca adalah seperti berikut:
  - (a) *The Serviceberry* — Robin Wall Kimmerer
  - (b) *Cita Sempurna Warisan Sejarah* — Syed Hussain al-Attas
  - (c) *1984* — George Orwell
  - (d) *Sejarah Selangor 1766–1939* — J.M. Gullick
  - (e) *Edible Economics* — Ha-Joon Chang
- 3.2 Penulisan Kreatif — pelajar menghasilkan karya pendek (700 hingga 1,000 patah perkataan) berdasarkan buku yang dibaca, dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- 3.3 Bengkel Penulisan (sukarela) — bengkel hujung minggu yang terbuka kepada pelajar yang berminat memperdalam kemahiran menulis.
- 3.4 Acara Pelajar — perhimpunan antara sekolah dan acara sosial sepanjang tempoh program.
- 3.5 Penerbitan Antologi — karya terpilih pelajar akan diterbitkan dalam sebuah antologi rasmi program.

#### 4.0 MAKLUMAT PELAKSANAAN

<b>Tempoh Program</b>	Julai 2026 hingga Mac 2027 (9 bulan)
<b>Kekerapan Sesi</b>	Satu (1) sesi seminggu, 1 hingga 1.5 jam setiap sesi
<b>Waktu Pelaksanaan</b>	Selepas waktu persekolahan (dicadangkan 3.30 – 5.00 petang)
<b>Bahan Program</b>	Semua buku dan bahan tulisan dibekalkan percuma kepada setiap pelajar
<b>Yuran Penyertaan</b>	Percuma; penyertaan adalah secara sukarela

## **5.0 SYARAT DAN KETETAPAN**

- 5.1 Karya pelajar hendaklah merupakan hasil tulisan asli; penggunaan kecerdasan buatan (generative AI) tidak dibenarkan.
- 5.2 Makanan dan minuman tidak disediakan oleh pihak pelaksana sepanjang sesi kelab buku.
- 5.3 Kebenaran ibu bapa atau penjaga diperlukan sebelum pelajar dibenarkan menyertai program.
- 5.4 Kehadiran berterusan adalah penting bagi memastikan manfaat penuh program. Pelajar yang tidak hadir tiga (3) sesi berturut-turut tanpa sebab yang munasabah akan disingkirkan secara automatik daripada program, dan tempat tersebut akan ditawarkan kepada pelajar lain.

*Sekiranya ibu bapa atau penjaga bersetuju untuk membenarkan anak atau anak jagaan menyertai program ini, sila lengkapkan dan tandatangani Surat Akuan Kebenaran di halaman berikutnya.*

## SURAT AKUAN KEBENARAN IBU BAPA ATAU PENJAGA

Saya : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Beralamat : .....

No. Telefon : .....

mengaku adalah waris kepada murid bernama di bawah:

Nama Pelajar : .....

Tingkatan / Kelas : .....

No. KP / Surat Lahir : .....

Nama Sekolah : .....

Saya dengan ini memberi kebenaran bertulis kepada anak/anak jagaan saya untuk menyertai Program Pencerahan Selangor, iaitu sebuah program kelab buku dan penulisan kreatif anjuran Kerajaan Negeri Selangor, yang dijalankan sebagai aktiviti luar waktu persekolahan sepanjang tempoh Julai 2026 hingga Mac 2027.

2. Saya difahamkan bahawa soal keselamatan dan disiplin sentiasa diberi perhatian sewajarnya oleh fasilitator dan urus setia program yang telah diamanahkan. Sekiranya kesihatan anak/anak jagaan saya terganggu semasa sesi program atau perjalanan ke dan dari program, maka saya dengan sepenuh hati membenarkan pihak pelaksana menguruskan bagi pihak saya untuk mendapatkan rawatan perubatan.

3. Saya difahamkan dan bersetuju bahawa kehadiran berterusan adalah penting bagi program ini. Sekiranya anak/anak jagaan saya tidak hadir tiga (3) sesi berturut-turut tanpa sebab yang munasabah, penyertaannya akan ditamatkan secara automatik dan tempat tersebut akan ditawarkan kepada pelajar lain.

4. Saya juga memberikan kebenaran berikut berkaitan penyertaan anak/anak jagaan saya dalam program ini. Sila tandakan (✓) pada pilihan yang berkenaan:

Perkara Kebenaran	Setuju	Tidak Setuju
<b>(i) Penyertaan Program</b> Membenarkan anak/anak jagaan saya menyertai sesi kelab buku dan acara pelajar sepanjang program.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>(ii) Penyiaran di Media Rasmi</b> Membenarkan imej, gambar, rakaman video dan/atau hasil kerja anak/anak jagaan saya disiarkan di media rasmi pihak pelaksana dan Media Selangor Sdn. Bhd. bagi tujuan dokumentasi dan promosi program.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>(iii) Penerbitan Karya Tulisan</b> Membenarkan karya tulisan anak/anak jagaan saya diterbitkan dalam antologi program dan terbitan rasmi yang berkaitan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

.....  
**Tandatangan Ibu Bapa / Penjaga**

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Tarikh : .....